

03/12/2003

Dr Mahathir terima doktor pengurusan, kejuruteraan

JOHOR BAHRU: Tun Dr Mahathir Mohamad dijadualkan menerima anugerah berprestij Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan dan Kejuruteraan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dalam satu Konvokesyen Khas di Dewan Sultan Iskandar, di UTM Skudai, esok.

Naib Canselor UTM, Prof Datuk Dr Mohd Zulkifli Mohd Ghazali, berkata anugerah itu bagi mengenang jasa Perdana Menteri Malaysia Keempat itu sepanjang menerajui dan menguruskan negara dengan cemerlang selama 22 tahun.

Beliau berkata, anugerah itu yang menggabungkan dua bidang sekali gus iaitu pengurusan dan kejuruteraan buat kali pertama seumpamanya diberi kepada seorang tokoh ulung yang bukan saja dihormati pada peringkat tempatan, malah di seluruh dunia.

"Kami bangga kerana menjadi universiti pertama di Malaysia yang diberi penghormatan menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan dan Kejuruteraan kepada Tun Dr Mahathir Mohamad.

"Pihak universiti sudah merancang lama perkara ini iaitu sebelum beliau bersara, tetapi oleh kerana terlalu sibuk dengan urusan dalaman dan luar negara, beliau tidak sempat menerima anugerah itu.

"Jadi, kita menangguhkan majlis penganugerahan itu kepada tarikh yang ditetapkan iaitu pada 4 Disember ini (esok)," katanya dalam satu temu bual di pejabatnya, di UTM Skudai, di sini, semalam.

Konvokesyen Khas Penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan dan Kejuruteraan kepada Dr Mahathir itu dijangka dihadiri lebih 3,000 tetamu termasuk beberapa Menteri Kabinet, Naib Canselor universiti awam, pensyarah dan pelajar.